



جَابِلْتَن مِفْتِي نَكْرِي فَمِغ

قوله تعالى:
فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Soalan :

Apakah hukum lafaz cerai sorih tapi hanya gerakan lidah, hanya mengeluarkan bibir tanpa mengeluarkan suara. Jatuh talak ke?

Jawapan :

و عليكم السلام ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas Nabi besar junjungan kita Muhammad SAW, keluarga, sahabatnya dan mereka-mereka yang mengikuti segala sunnah Nabi Muhammad SAW sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada puan di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

Dalam merungkai persoalan ini, perlu untuk kita melihat perbahasan *al-qasd*, iaitu tujuan talaq dilafazkan. *Al-qasd* adalah rukun yang keempat dalam bab talaq. Ia berkait rapat dengan sighth atau bagaimana di lafazkan talaq itu. Ini seperti mana disebutkan oleh Syeikh Wahbah al-Zuhaili:

يُشْتَرَطُ بِالِاتِّفَاقِ الْقَصْدُ فِي الطَّلَاقِ: وَهُوَ إِرَادَةُ التَّلْفُظِ بِهِ، وَلَا يُشْتَرَطُ فِي هَذَا الرُّكْنِ إِلَّا تَحْقِيقَ الْمُرَادِ بِهِ، فَلَا يَقَعُ طَلَاقٌ فَقِيهِ يُكْرَرُهُ، وَلَا طَلَاقٌ حَاكٍ عَنِ نَفْسِهِ أَوْ غَيْرِهِ؛ لِأَنَّهُ لَمْ يَقْصِدْ مَعْنَاهُ، بَلْ قَصَدَ التَّعْلِيمَ وَالْحِكَايَةَ، وَلَا طَلَاقٌ أَعْجَمِيٌّ لِقَوْلِ لَفْظِ الطَّلَاقِ بِلَا فَهْمٍ مِنْهُ لِمَعْنَاهُ. وَلَا يَقَعُ طَلَاقٌ مَرًّا بِلِسَانِ نَائِمٍ أَوْ مَنْ زَالَ عَقْلُهُ بِسَبَبٍ لَمْ يَعْصِ بِهِ، وَيَلْغُو

Maksudnya: Disyaratkan secara *ittifaq* (persepakatan para ulama') *al-qasd* (niat) dalam talaq. Iaitu keinginan untuk melafazkan dengan (perkataan) talaq (dengan makna asal iaitu penceraian). Tidaklah disyaratkan *al-qasd* sebagai rukun melainkan untuk menentukan makna dari lafaz yang disebutkan itu. Tidak jatuh talaq apabila seorang faqih (orang yang alim dalam fiqh) mengulang-ulang perkataan talaq, dan tidak jatuh talaq kepada orang yang menceritakan ke atas dirinya (kerana menceritakan semula lafaz talaq orang lain) kerana tidak memaksudkan dari lafaz talaq itu, pada makna asalnya, bahkan (faqih) tujuan menyebut lafaz talaq untuk pengajaran, dan (orang yang menceritakan) tujuannya adalah untuk menceritakan. Tidak jatuh talaq ke atas orang *a'jam* (bukan bangsa arab) yang menyebut lafaz talaq tanpa memahami maknanya. Tidak jatuh talaq jika disebutkan orang yang sedang tidur, atau orang yang hilang akal (dengan

sendiri) tanpa melakukan maksiat, maka (perkataan talaq itu) dianggap sia-sia(tidak dijatuhkan hukum) .

Rukun talaq ada lima :

- 1) *Mutalliq* (orang yang mentalaq) iaitu suami
- 2) *Mahall* (tempat yang dilafazkan talaq ke atasnya) iaitu isteri
- 3) *Wilayah* (kuasa suami ke atas isteri)
- 4) *Qasad* (sengaja melafazkan talaq)
- 5) *Sighah* (lafaz)

Kami akan menerangkan berkaitan rukun yang kelima iaitu *Sighah* (lafaz)

Lafaz talaq mempunyai dua jenis, iaitu lafaz talaq secara sorih (jelas) dan lafaz talaq secara kinayah (sindiran)

1. **Talaq sorih** diucapkan **lafaznya secara jelas** oleh suami terhadap isteri. Sebagai contoh, “aku ceraikan engkau dengan talaq satu,” ataupun, “aku ceraikan kau”.
2. **Lafaz kinayah** pula **tidak diucapkan secara jelas** perkataan talaq tersebut, tetapi si suami mengucapkan sesuatu lafaz dengan makna yang boleh membawa maksud cerai. Misalnya, “baliklah kau ke rumah orang tua kau”, ataupun, “kau bukan lagi isteri aku”.

Oleh yang demikian, talaq tidak jatuh dengan semata-mata niat sahaja tanpa lafaz, sementara lafaz itu pula mesti diucapkan sehingga dapat didengari oleh dirinya sendiri dan tidak jatuh talaq juga dengan sekadar menggerak-gerakkan bibir dan lidahnya tanpa didengari oleh dirinya. Orang yang sempurna dan boleh bertutur tidak jatuh talaqnya dengan isyarat sahaja walaupun dapat difahami oleh orang lain.

Dapatlah disimpulkan bahawa sekiranya isteri kepada yang bertanya ini, syak adakah talaq itu jatuh kepadanya atau tidak, maka hendaklah suami itu bersumpah untuk menafikan hal tersebut. Ini berdasarkan kaedah fiqh lain yang menyebut:

الْبَيِّنَةُ عَلَى الْمُدَّعِي وَالْيَمِينُ عَلَى مَنْ أَنْكَرَ

Maksudnya: “Pendakwa hendaklah mendatangkan bukti, dan tertuduh yang mengingkari hendaklah bersumpah”

Namun begitu, sekiranya timbul perselisihan dalam masalah ini, kami mencadangkan agar pengesahan lafaz tersebut dirujuk ke Mahkamah Syariah yang terdekat.

Wallahu a'lam..

Rujukan

1. Al-Zuhayli, *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillahtuhu*.
2. Al-Zuhayli, *Al-Mu'tamad Fil Fiqh Al-Syafi'e*.
3. Sunan Abu Daud.